

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI
[LABUAN]**

TARIKH : 23 MEI 2016

SOALAN :

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah terdapat sebarang cadangan untuk memperkasakan lagi SMA-MAIWP Labuan sebagai memenuhi permintaan masyarakat setempat untuk membantu anak-anak golongan asnaf dan berpendapatan rendah dan apakah kriteria yang dikenakan dari segi pengambilan pelajar luar daripada Wilayah Persekutuan.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa tugas dan tanggong jawab berkaitan pendidikan adalah tugas hakiki Kementerian Pendidikan Malaysia. Kementerian ini merupakan pihak utama yang berperanan menyediakan insitusi-institusi pendidikan bagi memenuhi keperluan masyarakat setempat dan sentiasa memberikan yang terbaik dalam memastikan semua pelajar mendapat peluang pendidikan yang sama.

Dalam usaha membantu Kementerian Pendidikan Malaysia. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) turut mengambil peranan menubuhkan Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP) di Labuan pada tahun 2011. SMA-MAIWP merupakan satu-satunya Sekolah Menengah berorientasikan Asrama Penuh Aliran Agama yang pertama di Labuan.

SMA-MAIWP Labuan kini beroperasi secara guna sama di dua blok Bangunan Sekolah Rendah Agama Islam (SRAI) Al-Mustaqim, Kg Lubok Temiang dengan 10 buah kelas yang menempatkan seramai 236 orang pelajar. Bangunan ini mempunyai kemudahan Makmal Komputer, Makmal Sains, Pusat Sumber, Bengkel Kemahiran Hidup Bersepadu, Bilik Pengurusan Buku Teks, Kantin, Surau, Dewan Utama Berbumbung dan Dewan Terbuka. SMA-MAIWP juga turut menerima pelajar dari luar Wilayah Persekutuan Labuan iaitu Sabah dan Sarawak dengan kuota 10% bagi setiap negeri.

Dalam memperkasakan lagi SMA-MAIWP Labuan, MAIWP kini dalam perancangan untuk membangunkan Kompleks SMA-MAIWP Labuan di Kampung Sungai Bedaun yang akan mampu menempatkan seramai 500 orang pelajar.

Mengenai **kriteria pengambilan pelajar** sama ada ada dari Labuan atau luar dari Labuan, MAIWP telah menetapkan pelajar hendaklah mendapat keputusan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR) minimum 3A 2B dan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah Agama (UPSRA) minimum 5A.

Sekian, terima kasih.